

HUKUMAN BAGI PEMANDU MABUK DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF PERUNDANGAN ISLAM

Shahidra Abdul Khalil¹

Abstrak

Peningkatan kes kemalangan akibat pemanduan mabuk di Malaysia telah mengundang usaha pindaan undang-undang yang berkaitan. Dalam proses perundangan tersebut, pelbagai cadangan dikemukakan oleh pelbagai pihak mengenai hukuman yang wajar dan setimpal. Artikel ini bertujuan membincangkan perspektif perundangan Islam berhubung kesalahan ini. Persoalan asas seperti tanggungjawab terhadap jenayah yang dilakukan ketika mabuk dan hukumannya dalam perundangan Islam dibincangkan. Begitu juga dengan pelaksanaan hukuman ke atas bukan Islam yang mabuk. Perbincangan ini seterusnya menjadi landasan kepada analisis berikutnya terhadap undang-undang semasa di Malaysia dan pindaan yang dilakukan. Data bagi kajian ini diperolehi melalui kaedah kepustakaan dan dianalisis secara tematik dan komparatif. Ketegasan Syariat Islam dalam memerangi jenayah berkaitan pengambilan arak dan keburukannya serta kepelbagaian pandangan fuqaha berhubung persoalan yang dibincangkan diharap dapat memberikan input yang signifikan kepada usaha menangani permasalahan pemanduan mabuk dalam konteks semasa di Malaysia.

Kata kunci: pemandu mabuk, arak, kemalangan jalan raya, diyat, perundangan Islam

PENALTY FOR DRUNK DRIVERS IN MALAYSIA: ANALYSIS FROM ISLAMIC LAW PERSPECTIVE

Abstract

The increasing accident cases due to drunk driving in Malaysia have triggered efforts to amend the relevant laws. During the process, various suggestions were put forward by various parties on the appropriate punishment. This article aims to discuss the Islamic law perspective on this offense. Fundamental questions such as responsibility for crimes committed while intoxicated and their punishment in Islamic law are discussed as well as the execution of the punishment on drunken non-Muslims. This discussion further serves as the basis for the analysis of current laws in Malaysia and the amendments proposed afterward. Data

¹ Shahidra Abdul Khalil, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: shahidra@um.edu.my.

for this study were obtained through the library method and analyzed thematically and comparatively. The firmness of Islamic Shariah in combating alcohol-related crime and its disadvantages plus the diverse views of jurists on the questions discussed are expected to provide significant input in addressing the problem of drunk driving in the current context in Malaysia.

Keywords: *drunk drivers, alcohol, road accident, diyat, Islamic law*

Pendahuluan

Mengambil arak atau sebarang minuman memabukkan dalam syariat Islam merupakan satu jenayah. Ini kerana perbuatan tersebut boleh menyebabkan kehilangan fungsi akal yang merupakan salah satu keperluan utama manusia. Dalam istilah lain ia disebut sebagai *masalah daruriyyah*.² Justeru, pengambilan arak walaupun sedikit tanpa mabuk juga adalah dilarang.³ Apatah lagi jika peminumnya mabuk sehingga menyebabkan kemudaratan kepada orang lain.

Di Malaysia, kemalangan jalan raya akibat pemanduan mabuk dilaporkan meningkat dari tahun ke tahun. Statistik pada tahun 2020 mencatatkan peningkatan berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sehingga Mei, 22 kes kemalangan jalan raya telah direkodkan melibatkan sembilan kematian dan 13 kecederaan. Jumlah kes bagi tempoh kurang setengah tahun ini hampir menyamai jumlah yang direkodkan bagi keseluruhan tahun 2019 iaitu 23 kes dan 25 kes bagi tahun 2018. Keseluruhan kematian yang diakibatkan daripada pemanduan ketika mabuk bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah seramai 29 orang manakala kecederaan pula seramai 41 orang.⁴

² Mahmood Zuhdi Haji Abd Majid, “Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia Ditinjau dari Perspektif Maqasid Syariah” dalam *Pelaksanaan Hudud di Malaysia Satu Analisis*, ed. Asyraf Wajdi Dusuki (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2015), 29.

³ ‘Abd al-Rahman al-Jaziri, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-‘Arba‘ah* (Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah, 2015), 5:19.

⁴ “Pemandu mabuk: Adakah Hukuman Berat Mampu Menanganinya?”, laman sesawang *Astro Awani*, dicapai 26 Ogos 2020, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-mabuk-adakah-hukuman-berat-mampu-menanganinya-245360>. Lihat juga Izwaashura Sadali, “Pemandu Mabuk Penyebab 29 Individu Maut dalam Kemalangan Jalan Raya bagi Tempoh 2018-Mei 2020”, laman sesawang *Paultan.org*, dicapai 26 Ogos 2020, <https://paultan.org/2020/06/04/pemandu-mabuk-sebabkan-kemalangan-maut/>.

Keseriusan isu ini mengundang kepada cadangan pindaan terhadap undang-undang sedia ada. Bagi menangani peningkatan kes, hukuman yang lebih tegas diperlukan. Pelbagai cadangan dikemukakan oleh pelbagai pihak termasuk merujuk kepada bentuk hukuman yang dilaksanakan di luar negara. Artikel ini mengemukakan perspektif Syariah dalam menangani kesalahan berkaitan pemanduan mabuk. Persoalan mengenai tanggungjawab jenayah pesalah yang mabuk ketika melakukan jenayah menurut perundangan Islam dirungkaikan. Begitu juga dengan hukuman bagi pelaku bukan Islam. Seterusnya, undang-undang di Malaysia dan cadangan pindaan yang dirangka bagi kesalahan akibat pemanduan mabuk di Malaysia dianalisis. Penilaian berdasarkan perspektif Syariah diharap dapat menyumbang ke arah penyelesaian yang terbaik demi masalah pengguna jalan raya dan masyarakat Malaysia.

Tanggungjawab Jenayah Pemandu Mabuk dalam Perundangan Islam

Secara umumnya, hukuman dalam perundangan Islam hanya dikenakan apabila pelaku memenuhi asas tanggungjawab jenayah. Jenayah ditanggungkan ke atas pelaku apabila dia melakukan perbuatan yang dilarang dan diperuntukkan hukuman. Kedua, pelaku mempunyai daya fikir dan ketiga, pelaku mempunyai pilihan ketika melakukan perbuatan tersebut atau melakukan dengan kerelaan sendiri. Berdasarkan ketiga-tiga asas ini, pengecualian tanggungjawab jenayah atau hukuman boleh diberikan kepada golongan tertentu yang tidak memenuhinya. Mereka adalah orang yang melakukan jenayah akibat paksaan, orang gila, mabuk dan kanak-kanak yang belum sempurna fungsi akalnya.⁵

Ketika dalam keadaan mabuk, fungsi akal seseorang terganggu dan boleh menyebabkannya melakukan sesuatu yang di luar kawalan. Oleh kerana nilai akal yang amat penting, syariat melarang perkara yang boleh menjejaskannya. Ini termasuklah pengambilan arak yang dianggap sebagai ibu segala keburukan.⁶

⁵ ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *Al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqaranan bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000), 1:562.

⁶ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta’zīr* (Amman, Jordan: Dār al-Nafā’is, 2009), 84.

Dalam konteks pemandu mabuk, kemalangan yang mengakibatkan kematian mahupun kecederaan boleh berlaku 13 kali lebih tinggi daripada pemandu yang bebas pengaruh arak.⁷

Jika kematian mahupun kecederaan berlaku dalam keadaan biasa, syariat memperuntukkan hukuman qisas iaitu hukuman balas jika dilakukan secara sengaja⁸ atau *diyāt* iaitu sejumlah bayaran ganti rugi kepada mangsa atau keluarganya yang telah ditetapkan kadarnya oleh syarak jika berlaku secara tidak sengaja.⁹ Persoalan yang timbul ialah adakah pemandu mabuk bertanggungjawab ke atas kematian atau kecederaan yang berlaku? Dalam hal ini, para fuqaha membezakan keadaan mabuk dalam

⁷ “Pemandu Mabuk 13 kali Berisiko Sebabkan Kemalangan: Miros,” laman sesawang *Sinar Harian*, dicapai 26 Ogos 2020, <https://www.sinarharian.com.my/article/82625/BERITA/Nasional/Pemandu-mabuk-13-kali-berisiko-sebabkan-kemalangan-Miros>

⁸ Hukuman ini diperuntukkan dalam surah al-Baqarah 2:178 seperti berikut: “Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman “Qisas” (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan. Maka sesiapa (pembunuh) yang dapat sebahagian keampunan dari saudaranya (pihak yang terbunuh), maka hendaklah orang yang mengampunkan itu mengikut cara yang baik (dalam menuntut ganti nyawa), dan (si pembunuh pula) hendaklah menunaikan bayaran ganti nyawa itu) dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah suatu keringanan dari Tuhan kamu serta suatu rahmat kemudahan. Sesudah itu sesiapa yang melampaui batas (untuk membalas dendam pula) maka baginya azab seksa yang tidak terperi sakitnya.”

⁹ Hukuman ini diperuntukkan dalam surah al-Nisā’ 4:92 seperti berikut: “Dan tidak harus sama sekali bagi seseorang mukmin membunuh seorang mukmin yang lain, kecuali dengan tidak sengaja. Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan tidak sengaja, maka (wajiblah ia membayar kafarah) dengan memerdekakan seorang hamba yang beriman serta membayar diyat (denda ganti nyawa) yang diserahkan kepada ahlinya (keluarga si mati), kecuali jika mereka sedekahkan kepada ahlinya (memaafkannya). Tetapi jika ia (yang terbunuh dengan tidak sengaja) dari kaum (kafir) yang memusuhi kamu, sedang ia sendiri beriman, maka (wajiblah si pembunuh membayar kafarah sahaja dengan) memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dan jika ia (orang yang terbunuh dengan tidak sengaja itu) daripada kaum (kafir) yang ada ikatan perjanjian setia antara kamu dengan mereka, maka wajiblah membayar 'diah' (denda ganti nyawa) kepada keluarganya serta memerdekakan seorang hamba yang beriman. Dalam pada itu, sesiapa yang tidak dapat (mencari hamba yang akan dimerdekakannya), maka hendaklah dia berpuasa dua bulan berturut-turut; (hukum yang tersebut) datangnya daripada Allah untuk menerima taubat (membersihkan diri kamu). Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”

dua keadaan. Keadaan pertama apabila pengambilan arak sehingga mabuk berlaku akibat paksaan atau dalam keadaan darurat atau pelaku tidak mengetahui bahawa minuman yang diambil adalah arak. Jika pelaku melakukan apa-apa jenayah dalam keadaan ini, pandangan yang rajih daripada empat mazhab muktabar adalah pelaku tidak dikenakan hukuman.¹⁰ Orang yang berzina akibat mabuk contohnya, boleh dikecualikan hukuman jika terbukti kesalahannya berlaku akibat mabuk yang tidak disengajakan atau akibat paksaan.

Keadaan kedua pula, mabuk yang berlaku akibat minum arak secara sengaja dan dengan pengetahuan bahawa bahan yang diambil adalah arak. Dalam keadaan ini, pelaku bertanggungjawab ke atas jenayah tersebut. Bahkan jumhur fuqaha menetapkan hukuman bagi jenayah tersebut sama seperti jenayah yang dilakukan dalam keadaan biasa iaitu oleh orang yang sedar.¹¹ Ini bermaksud jika pelaku berzina ketika mabuk contohnya, dia akan dihukum dengan hukuman hudud seperti biasa.

Walaupun terdapat sedikit pengecualian tanggungjawab bagi orang mabuk yang melakukan jenayah iaitu dalam keadaan pertama seperti yang dibincangkan di atas, ia hanya melibatkan tanggungjawab jenayah sahaja. Tanggungjawab sivil yang melibatkan kesalahan terhadap hak individu tidak gugur dan tetap perlu ditunaikan. Ini termasuklah kesalahan menghilangkan nyawa atau menyebabkan kecederaan terhadap orang lain.¹² Dalam erti kata lain, dapat dirumuskan bahawa pemandu mabuk yang menyebabkan kematian atau kecederaan orang lain tetap bertanggungjawab ke atas perbuatan tersebut.

Hukuman Bagi Pemandu Mabuk dalam Perundangan Islam

Kesalahan memandu secara mabuk sehingga menyebabkan kemalangan melibatkan dua kesalahan. Pertama; kesalahan minum minuman memabukkan atau arak. Kedua; kesalahan menghilangkan nyawa atau menyebabkan kecederaan. Kesalahan

¹⁰ ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *Al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqaranan bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, 1:583.

¹¹ ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *Al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqaranan bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, 1:583.

¹² ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *Al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqaranan bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī*, 1:583.

minum arak dalam perundangan Islam diperuntukkan dengan hukuman hudud. Manakala menghilangkan nyawa atau menyebabkan kecederaan pula diperuntukkan dengan qisas atau *diyāt*. Dalam perundangan Islam, kedua-dua kategori hudud dan qisas atau *diyāt* ini merupakan kesalahan yang telah ditentukan hukumannya secara spesifik dalam syariat (*'uqūbah muqaddarah*).¹³ Namun, kedua-dua kategori kesalahan ini berbeza pada hak atau kepentingan yang dicerobohi.

Hudud diperuntukkan bagi memenuhi tuntutan hak masyarakat atau hak Allah, sedangkan qisas atau *diyāt* dilaksanakan bagi memenuhi tuntutan hak individu atau persendirian. Implikasinya, hukuman hudud bagi kesalahan minum arak bagi kepentingan masyarakat tidak boleh digugurkan atau dimaafkan oleh pemerintah atau sesiapa sahaja jika kesalahan telah disabitkan. Manakala hukuman qisas atau *diyāt* pula dilaksanakan jika terdapat tuntutan daripada pihak mangsa dan boleh digugurkan sekiranya dimaafkan oleh pihak mangsa.¹⁴

Hukuman Bagi Kesalahan Minum Arak

Hukuman bagi kesalahan minum arak diperuntukkan melalui hadith Nabi SAW Namun, larangan melakukannya jelas dinyatakan di dalam al-Quran. Pengharamannya secara menyeluruh dinyatakan melalui ayat 90 hingga 91 surah al-Mā'idah berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ
الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقِعَ بَيْنَكُمْ
الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَن دِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ ۗ
فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ﴿٩١﴾

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya__supaya kamu berjaya.

¹³ Paizah Hj. Ismail, *Hudud Hukum dan Pelaksanaan* (Shah Alam: Karya Bestari, 2008), 11.

¹⁴ Paizah, *Hudud Hukum dan Pelaksanaan*, 15.

Sesungguhnya syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingati Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti (daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan kotor itu atau kamu masih berdegil)?

Menurut para mufasir, ayat di atas mengharamkan pengambilan arak (*khamar*) secara *qat'ī*. Ini dapat difahami melalui beberapa aspek. Antaranya perbuatan tersebut disamakan dengan pemujaan berhala yang merupakan satu dosa besar dan penegasan bahawa ia membawa kepada mafsadah kepada kehidupan di dunia dan juga agama pelaku.¹⁵ Keadaan ini boleh berlaku kerana *khamar* menghilangkan kewarasan akal fikiran, menutup jalan kebenaran sehingga pelakunya lupa diri dan lupa kepada Allah SWT. Ini bertepatan dengan maksudnya secara terminologi yang bererti menutupi.¹⁶ Pengharaman arak juga dinyatakan dalam hadith-hadith Nabi SAW, antaranya seperti berikut:

1. Terjemahan: “Tiap-tiap yang memabukkan adalah *khamar* dan tiap-tiap *khamar* adalah haram.”¹⁷
2. Terjemahan: “Tiap-tiap yang memabukkan adalah haram dan barang yang banyaknya memabukkan maka yang sedikit darinya adalah haram.”¹⁸

Berdasarkan nas al-Qur'an dan hadith-hadith Nabi SAW di atas, berlaku ijmak di kalangan fuqaha tentang pengharaman arak.¹⁹ Namun, mereka berbeza pandangan mengenai hukuman ke atas pelakunya. Jumah fuqaha (mazhab Hanafi, Maliki dan Hanbali) berpandangan bahawa hukuman yang dikenakan adalah

¹⁵ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 83.

¹⁶ Abu Mazaya al-Hafīz dan Abu Izzat al-Sahafi, *Fiqh Jenayah Islam* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2004), 442.

¹⁷ Riwayat Muslim, Abū Dā'ud, al-Nasā'ī, al-Tirmidhī, al-Ṭahāwī, Ibn Jarud, al-Dār al-Quṭnī, al-Bayhaqī dan Aḥmad. Dipetik daripada Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, *Himpunan Hadith-Hadith Shahih* (Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 1998), 1:290.

¹⁸ Riwayat al-Nasā'ī, Ibn Mājah, Ibn Jarud, al-Ṭahāwī, al-Dār al-Quṭnī dan Aḥmad. Dipetik daripada Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*, 1: 291.

¹⁹ Paizah, *Hudud Hukum dan Pelaksanaan*, 58

sebanyak 80 kali sebatan manakala sebahagian lagi fuqaha iaitu daripada mazhab Syafi'i, Zahiri dan satu pandangan dalam mazhab Hanbali menetapkan hukuman sebanyak 40 kali sebatan.²⁰ Perbezaan pandangan ini berlaku disebabkan perbezaan dalam memahami hadith-hadith dan *athar* sahabat berkenaan pelaksanaan hukuman ke atas peminum arak, antaranya seperti berikut:

1. Terjemahan: Daripada Anas r.a., katanya: "Bahawasanya seorang lelaki yang telah minum khamar dibawa datang kepada Nabi SAW lalu beliau menderanya dengan pukulan dua pelepah tamar kurang lebih empat puluh kali. Kata Anas: Demikian pula yang dibuat oleh Abu Bakar. Manakala zaman 'Umar beliau bermesyuarat dengan orang ramai. Kata 'Abd al-Rahman bin 'Awf: Sekurang-kurang hudud ialah lapan puluh kali pukulan, lalu 'Umar memerintahkan dengannya..."²¹

2. Terjemahan: Ahmad meriwayatkan daripada Anas r.a. katanya: "... Bahawasanya seorang lelaki yang mabuk dibawakan kepada Nabi SAW. Maka baginda memerintahkan kepada hampir dua puluh orang lelaki memukulnya. Maka tiap-tiap orang memukul dua kali pukulan dengan pelepah tamar dan kasut..."²²

3. Terjemahan: Daripada al-Saib bin Yazid r.a., katanya: "Adalah didatangkan peminum khamar pada zaman Rasulullah SAW pada zaman pemerintahan Abu Bakar dan permulaan khilafah 'Umar, maka kami bangun memukulnya dengan tangan kami, dengan kasut-kasut kami dan dengan baju-baju luar kami, hingga pada akhir pemerintahan 'Umar maka beliau menderanya empat puluh kali, dan apabila mereka melampaui batas dan berbuat fasiq maka beliau menderanya lapan puluh kali dera..."²³

Daripada hadith-hadith di atas, jelas bahawa pelaksanaan hukuman pukulan atau sebatan bagi pesalah minum arak pada

²⁰ Al-Jazūī, *Kitab al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-'Arba'ah*, 5:15

²¹ Muhammad Idris 'Abd al-Ra'uf al-Marbawi, *Baḥr al-Madhī Sharḥ bagi Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī* (T.tp: tt.p., t.t.), 10:171.

²² Hadith riwayat Ahmad. Dipetik daripada Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*, 1: 304.

²³ Hadith Riwayat al-Bukhārī. Dipetik daripada Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*, 1: 306.

zaman awal Islam tidak terhad kepada satu bentuk yang khusus. Pukulan dilakukan dengan pelepah tamar, kasut, baju mahupun tangan. Bilangan pukulan pula pada asasnya dilaksanakan sebanyak 40 kali seperti yang dinyatakan dalam ketiga-tiga hadith. Walau bagaimanapun, pada zaman Umar sebatan dilaksanakan sebanyak 80 kali setelah beliau berbincang dengan para sahabat yang lain dan mengambil kira keadaan masyarakat pada ketika itu yang minum arak secara berleluasa.²⁴

Menurut fuqaha mazhab Maliki, tindakan Umar yang meminta pandangan para sahabat dalam soal kadar sebatan bagi pesalah memberi maksud bahawa kadar hukuman yang spesifik tidak ditentukan pada zaman Nabi SAW. Ketetapan oleh Umar tersebut tidak diingkari oleh para sahabat, justeru bilangan 80 kali sebatan bagi kesalahan minum arak dianggap sebagai ijmak oleh jumhur fuqaha.²⁵ Dakwaan ijmak oleh jumhur ini walau bagaimanapun, tidak diterima oleh para fuqaha mazhab Syafi'i. Mereka berhujah antaranya berdasarkan *athār* daripada Ali berikut:

...Bahawasanya 'Alī memukul al-Wālid bin 'Uqbah kerana minum khamar sebanyak empat puluh kali pukul kemudian beliau berkata: Nabi SAW telah mendera sebanyak empat puluh kali pukulan, Abu Bakar mendera sebanyak empat puluh kali pukulan dan 'Umar mendera lapan puluh kali pukulan, dan semuanya sunnah, dan ini (empat puluh kali pukulan) lebih aku sukai...²⁶

Berdasarkan *athar* di atas, para fuqaha mazhab Syafi'i berhujah bahawa dakwaan ijmak 80 kali sebatan bagi kesalahan minum arak adalah lemah. Ini kerana berkemungkinan para sahabat hakikatnya bersetuju dengan Umar tentang keharusan menambah sebatan dengan takzir bagi tujuan pencegahan. Menurut mereka juga, ijmak yang berlaku terlebih dahulu pada

²⁴ Md. Som Sujimon, *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman al-Khulafa' al-Rashidin* (Kuala Lumpur: IIUM Press, 2009), 54.

²⁵ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Hudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 97.

²⁶ Hadith riwayat Muslim, Abū Dā'ūd, al-Dārimī, Ibn Mājah, al-Ṭahāwī, al-Bayhāqī dan Aḥmad meriwayatkan daripada Hushaim bin al-Mundhir. Dipetik daripada Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*, 1: 305.

zaman Abu Bakar yang mengenakan sebatan sebanyak 40 kali berdasarkan amalan pada zaman Nabi SAW itu adalah lebih kuat.²⁷ Walau bagaimanapun, penambahan sebatan lebih daripada 40 kali diharuskan dalam mazhab Syafi'i. Pandangan yang muktamad dalam mazhab tersebut mengatakan bahawa ianya bukan hudud, tetapi hukuman takzir yang boleh dilaksanakan oleh pemerintah atau ditinggalkan.²⁸

Penambahan hukuman takzir ke atas peminum arak pernah dikenakan oleh para *khulafā' al-rāshidīn*. 'Ali r.a contohnya pernah mengenakan sebatan tambahan sebanyak 20 kali ke atas seorang penyair yang minum arak di siang hari pada bulan Ramadhan.²⁹ Berhubung hal ini, at-Tahāwī meriwayatkan daripada 'Aṭā' bin Abū Marwan daripada bapanya, katanya:

Terjemahan: "Seorang Najasyi yang telah meminum khamar di bulan Ramadan dibawa kepada 'Ali r.a. maka beliau menderanya sebagai hukuman had lapan puluh kali pukulan, kemudian beliau perintahkan supaya Najasyi itu dibawa ke penjara. Kemudian esoknya Najasyi itu dikeluarkan dari penjara lalu memukulnya dua puluh kali pukulan dengan rotan/cemeti, kemudian beliau berkata: Aku mendera engkau dua puluh kali hanyalah kerana engkau berbuka di bulan Ramadan dan kerana keberanian engkau ke atas Allah."³⁰

Daripada petikan di atas, dapat difahami bahawa pemberatan hukuman boleh dilakukan bergantung kepada kesalahan. Tambahan yang dilakukan bukanlah hudud sebaliknya *takzīr*. Justeru terpulang kepada pertimbangan dan kebijaksanaan pemerintah. 'Umar juga pernah mengenakan hukuman buang negeri kepada Rabi'ah bin Umayyah ke Khaybār atas kesalahan minum arak. Namun, kemudiannya tidak lagi melaksanakan

²⁷ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Hudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 102.

²⁸ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Hudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 98.

²⁹ Md. Som Sujimon, *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman al-Khulafā' al-Rashidīn*, 54.

³⁰ Dipetik daripada Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris, *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*, 1: 308.

hukuman yang sama apabila mendapati Rabi‘ah telah murtad ke agama Kristian.³¹ Dalam hal ini, Umar dilaporkan berkata:

Terjemahan: “Sesungguhnya aku tidak akan sekali-kali membuang negeri seorang Muslim selepas ini kerana sesungguhnya Allah telah menyuruh supaya hanya mengenakan sebatan bukan buang negeri. Mewajibkan buang negeri ke atas penjenayah minum arak adalah melebihi hukum yang dikehendaki oleh nas syarak.”³²

Daripada petikan ini, jelas bahawa hukuman mandatori adalah sebatan yang telah disyariatkan sahaja. Hukuman tambahan yang bersifat *takzir* boleh ditinggalkan jika tidak membawa kepada kebaikan kepada pesalah. Seterusnya, hukuman sebatan sama ada hudud mahupun takzir yang bersifat tambahan seperti yang telah dibincangkan tidak boleh dilaksanakan jika tidak memenuhi unsur-unsur jenayah (*arkān al-jarīmah*). Selain unsur perundangan, unsur fizikal iaitu minum minuman yang memabukkan dan unsur mental iaitu adanya niat jahat ketika melakukan kesalahan tersebut mesti dipenuhi.

Minuman yang memabukkan menurut jumbuh adalah segala minuman sama ada diperbuat daripada anggur mahupun selainnya seperti tamar, gandum, barli, beras, jagung, madu dan sebagainya. Peminumnya sama ada banyak atau sedikit akan dikenakan hukuman hudud.³³ Manakala menurut mazhab Hanafi pula, arak atau *khamr* adalah yang diperbuat daripada anggur sahaja. Minum minuman memabukkan daripada bahan selain anggur tidak dikenakan hudud kecuali apabila peminumnya mabuk. Jika peminumnya tidak mabuk, maka dia akan dikenakan hukuman takzir sahaja.³⁴ Apa yang dimaksudkan dengan niat jahat pula adalah pelakunya mengetahui pengharaman arak dan minuman yang diambilnya adalah arak.³⁵

³¹ Md. Som Sujimon, *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman al-Khulafa' al-Rashidin*, 55.

³² Md. Som Sujimon, *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman al-Khulafa' al-Rashidin*, 55.

³³ Al-Jazīrī, *Kitab al-Fiqh 'alā al-Madhāhib al-'Arba'ah*, 19.

³⁴ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 81.

³⁵ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 86 – 89.

Hukuman bagi Kesalahan Menghilangkan Nyawa atau Menyebabkan Kecederaan

Para fuqaha berselisih pandangan mengenai bentuk hukuman yang wajar dikenakan bagi jenayah yang dilakukan dalam keadaan mabuk. Bagi kes melibatkan pengambilan arak secara sengaja, jumhur fuqaha termasuk imam-imam bagi empat mazhab berpandangan bahawa hukuman yang diperuntukkan adalah sama seperti yang diperuntukkan kepada orang yang sedar dan waras. Ini bermakna mereka juga diperuntukkan dengan hukuman qisas apabila melakukan pembunuhan atau mencederakan orang lain.³⁶

Ini adalah satu pemberatan terhadap jenayah yang telah dilakukan hasil daripada perbuatan minum arak dengan sengaja. Ketetapan ini juga bersifat pencegahan agar pembunuh tidak melepaskan diri daripada hukuman qisas dengan alasan mabuk.³⁷

Walau bagaimanapun, Uthman al-Battī, satu riwayat daripada Ahmad bin Hanbal dan Ibn Taymiyyah³⁸ pula berpandangan bahawa pesalah hanya dikenakan *diyāt* selain sebatan atas kesalahan minum arak. Mereka berpandangan bahawa orang yang mabuk tidak memenuhi syarat taklifan. Justeru, tidak boleh disamakan dengan orang yang sedar atau waras. Keadaan mereka sama seperti kanak-kanak dan orang gila yang hanya bertanggung terhadap ganti rugi sahaja. Bagi tujuan pencegahan, *diyāt* adalah memadai. Jika orang yang mabuk dikenakan hukuman qisas, sewajarnya orang gila, orang yang sedang tidur dan pengsan akibat perkara haram juga dikenakan hukuman yang sama sekiranya melakukan jenayah di luar sedar. Namun, ini tidak berlaku.³⁹

Pandangan ketiga pula daripada mazhab Zahiri yang menetapkan bahawa pelaku tidak dikenakan sebarang hukuman bagi jenayah ketika mabuk tetapi hanya dikenakan hudud bagi

³⁶ Ṣāliḥ bin Sa‘ūd ‘Alī ‘Alī, *‘Awāriḍ al-Ahliyyah al-Muaththarah fī al-Mas’ūliyyah al-Jinā’iyyah* (t.tp.: al-‘Abikan li al-Nashr, 2011), 2:740; Al-Jazūrī, *Kitāb al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*, 5:296.

³⁷ Ṣāliḥ, *‘Awāriḍ al-Ahliyyah al-Muaththarah fī al-Mas’ūliyyah al-Jinā’iyyah*, 2:741.

³⁸ Ṣāliḥ, *‘Awāriḍ al-Ahliyyah al-Muaththarah fī al-Mas’ūliyyah al-Jinā’iyyah*, 2:741.

³⁹ Ṣāliḥ, *‘Awāriḍ al-Ahliyyah al-Muaththarah fī al-Mas’ūliyyah al-Jinā’iyyah*, 747 - 748.

kesalahan minum arak.⁴⁰ Ini kerana mereka menyamakan keadaan jenayah oleh orang mabuk seperti jenayah yang dilakukan oleh haiwan disebabkan ketiadaan daya fikir.⁴¹ Walau bagaimanapun, pandangan ini merupakan pandangan yang *marjūh* dan ditolak menurut ‘Awdah.⁴²

Pandangan jumbuh yang menetapkan hukuman qisas sama seperti keadaan orang yang sedar dipilih sebagai pandangan yang *rājih* antaranya oleh Majid Abu Rakhyah.⁴³ Sungguhpun begitu, pelaksanaan hukuman ini bergantung kepada tuntutan daripada pihak mangsa. Jika keluarga mangsa memaafkan pesalah daripada hukuman qisas, mereka berhak mendapat *diyāt*. Nilai *diyāt* yang diperuntukkan dalam syariat Islam adalah bersamaan 100 ekor unta atau 1,000 dinar emas⁴⁴ yang boleh dinilai dengan kadar semasa. Secara amnya, berat 1 dinar ialah 4.25 kg emas berketulenan 22k. Dalam kadar emas semasa, nilai *diyāt* boleh mencecah RM 1,008,142.50 bergantung kepada harga emas semasa.⁴⁵ Bagi kecederaan pula, syariat telah memperuntukkan

⁴⁰ Šālih, ‘*Awāriḍ al-Ahliyyah al-Muaththarah fī al-Mas’ūliyyah al-Jinā’iyyah*, 747 - 748.

⁴¹ Šālih, ‘*Awāriḍ al-Ahliyyah al-Muaththarah fī al-Mas’ūliyyah al-Jinā’iyyah*, 747 - 748, 750.

⁴² ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *al-Tashrī‘ al-Jinā’ī al-Islāmī*, 1: 583.

⁴³ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta’zīr*, 223.

⁴⁴ Ini berdasarkan hadith Nabi SAW. Daripada ‘Amrū bin azm: Bahawa Rasulullah SAW telah menulis sepucuk surat kepada penduduk Yaman yang di dalamnya ditulis tentang perkara-perkara wajib, sunat dan *diyāt*. Maka dibacakan surat itu kepada penduduk Yaman begini tulisannya: “Sesungguhnya yang sengaja membunuh seorang Mu’min, maka dikenakan ke atasnya *qiṣāṣ* kecuali wali yang terbunuh memaafkannya, dan sesungguhnya pada satu nyawa seratus ekor unta, dan pada hidung jika terpotong satu *diyāt*, dan pada lidah satu *diyāt*, pada dua bibir satu *diyāt*, pada pada dua buah zakar satu *diyāt*, dan pada zakar satu *diyāt*, dan pada tulang belakang satu *diyāt*, dan pada dua mata satu *diyāt*, dan pada satu kaki setengah *diyāt*, dan pada luka sampai ke otak (*al-ma’umamah*) 1/3 *diyāt*, dan pada luka sampai ke rongga (*al-ja’ifah*) 1/3 *diyāt*, dan pada luma yang menghancurkan tulang (*al-munaqqilah*) 15 ekor unta, dan pada setiap jari-jemari tangan dan kaki sepuluh ekor unta, dan pada satu gigi lima ekor unta, dan pada luka yang menampakkan tulang (*al-mudihah*) lima ekor unta, dan sesungguhnya seorang lelaki itu dibunuh jika dia membunuh seorang wanita dan ke atas ahli emas seribu dinar.” *Sunan al-Nasā’ī al-Sughra*, Kitab al-Qasamah, hadith no. 4797.

⁴⁵ Harga satu gram emas pada 28 Ogos 2020 ialah RM237.21. Justeru nilai *diyāt* semasa boleh dinilai sebanyak RM237.21 x 4250 gram = RM1,

nilai bagi bentuk kecederaan tertentu yang diistilahkan sebagai *arsh*.⁴⁶ Bagi bentuk kecederaan kecil dan nilainya tidak diperuntukkan oleh syarak, hakim boleh memutuskan ganti rugi yang diistilahkan sebagai *hukumah al-‘adl* dengan nilai bersesuaian.

Mabuk dan Hukumannya ke atas Bukan Islam Menurut Perundangan Islam

Daripada perbincangan terdahulu, dapat difahami bahawa hukuman mandatori ke atas peminum arak daripada kalangan Muslim adalah sebatan. Hukuman takzir tambahan boleh dipertimbangkan jika bersesuaian dengan kesalahan dan tidak mendatangkan kesan yang lebih buruk. Bagi peminum arak daripada kalangan bukan Islam pula, riwayat yang zahir dalam keempat-empat mazhab fiqh yang muktabar berpandangan bahawa hudud iaitu sebatan tidak dikenakan ke atas orang kafir. Ini kerana mereka tidak percaya bahawa arak adalah haram⁴⁷ dan tidak menganggapnya sebagai satu kesalahan.⁴⁸

Namun, fuqaha Syiah Imamiah berpandangan bahawa hudud hanya boleh dikenakan ke atas bukan Islam yang minum arak sekiranya perbuatan mereka dilakukan secara terang-terangan. Sedikit berbeza, Syiah Zaidiah pula berpandangan hukuman ke atas bukan Islam hanya dikenakan apabila mereka minum arak sehingga mabuk.⁴⁹ Pandangan ini selari dengan al-Ḥasan bin

008,142.50. Harga semasa emas dirujuk pada laman sesawang <http://goldpricez.com/my/22k/gram>, dicapai pada 28/08/2020. Walau bagaimanapun, nilai ini boleh berubah mengikut harga emas semasa.

⁴⁶ Perbincangan lanjut mengenai penetapan ganti rugi bagi pelbagai bentuk kecederaan dalam perundangan Islam, sila lihat: Shahidra binti Abdul Khalil, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar dan Abdul Karim Ali, “Penetapan Ganti Rugi bagi Pelbagai Kecederaan Diri Menurut Perundangan Islam”, *Jurnal Fiqh*, No. 15 (2018): 61 – 86.

⁴⁷ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta’zīr*, 85.

⁴⁸ Mat Saad Abdul Rahman, *Pembalasan Kesalahan Jenayah dalam Masyarakat Majmuk (Dengan Penumpuan kepada Peruntutannya Terhadap Bukan Islam)* (Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2006), 115.

⁴⁹ Abd al-Karim Zaydan, *Hukum-hakam Golongan Bukan Islam dalam Negara Islam*, terj. Abdul Wahab Abdul Latif (Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2016), 249.

Ziyād, salah seorang murid Abū Ḥanīfah.⁵⁰ Walaupun mazhab Maliki termasuk dalam kalangan jumbuh yang berpandangan bahawa hudud tidak dikenakan ke atas bukan Islam yang minum arak, fuqaha mazhab ini berpandangan bahawa pesalah *dhimmī* masih boleh dikenakan hukuman takzir sebagai pengajaran dan didikan. Jika mereka melakukannya secara tersembunyi, maka hukuman tidak dikenakan ke atas mereka.⁵¹

Seterusnya, terdapat pandangan yang lebih tegas dalam hal ini. Ibn Ḥazm al-Andalūsī dan mazhab Zahiri berpandangan bahawa Islam bukan syarat dalam pelaksanaan hudud ke atas peminum arak. Justeru, sebatan hudud juga dikenakan ke atas *dhimmī* dan berhujah dengan ayat 49, Surah al-Ma'idah⁵² seperti berikut:

Terjemahan: Dan hendaklah engkau menjalankan hukum di antara mereka dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah dan janganlah engkau menurut kehendak hawa nafsu mereka, dan berjaga-jagalalah supaya mereka tidak memesongkanmu dari sesuatu hukum yang telah diturunkan oleh Allah kepadamu...

Dalam membincangkan kedudukan jenayah *dhimmī* ini, daripada kalangan sarjana kontemporari seperti Abū Zahrah berpandangan bahawa semua yang menetap dalam negara Islam perlu tunduk kepada perundangan tanpa perbezaan. Walaupun terdapat khilaf di kalangan fuqaha pada kesalahan minum arak, beliau mentarjihkan pandangan yang mengharamkan pengambilan arak ke atas Muslim mahupun bukan Islam dan justeru memperuntukkan hukuman yang sama. Ini kerana beliau berpandangan bahawa tiada satu agama pun yang menganggap bahawa arak itu halal. Jika arak diharuskan sekalipun dalam agama lain, ia bukan sesuatu yang dituntut. Justeru, menghalang pengambilannya tidak dianggap sebagai mengganggu kebebasan beragama. Tambahan pula, pelaksanaan hudud adalah untuk menjaga kepentingan masyarakat dan menghalang kerosakan dan

⁵⁰ Mat Saad Abdul Rahman, *Pembalasan Kesalahan Jenayah*, 115.

⁵¹ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 85.

⁵² Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta'zīr*, 85.

mafsadah.⁵³ Walau bagaimanapun, ‘Abd al-Karīm Zaydan pula mentarjihkan pandangan yang memperuntukkan hudud kepada bukan Islam yang minum arak sehingga mabuk. Ini kerana ia boleh merosakkan akal dan syariat Islam melarang perkara yang merosakkan akal.⁵⁴

Walaupun berlaku khilaf di kalangan fuqaha mengenai pelaksanaan hukuman bagi kesalahan minum arak ke atas bukan Islam seperti yang dibincangkan di atas, para fuqaha bersepakat mengenai pelaksanaan hukuman ke atas bagi kesalahan membunuh. Qisas atau hukuman balas dikenakan ke atas seorang bukan Islam yang membunuh dengan sengaja. *Diyāt* juga ditanggungkan ke atasnya jika perbuatan tersebut dilakukan tanpa niat atau qisas tidak boleh dilaksanakan.⁵⁵ Syarat bagi pembunuh yang mewajibkan hukuman adalah pelaku berakal dan baligh. Tidak disyaratkan pelaku beragama Islam.⁵⁶

Undang-undang Berkaitan Pemanduan Secara Mabuk di Malaysia

Mengambil minuman memabukkan seperti arak bukan satu kesalahan jenayah di Malaysia secara umumnya kecuali bagi rakyat yang beragama Islam. Kesalahan dan hukuman bagi orang-orang Islam termaktub dalam Akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (EKJS) di negeri-negeri. Secara umumnya kesalahan minum arak ini diperuntukkan dengan hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali jika perbuatan tersebut dilakukan di tempat awam.⁵⁷ Hanya tiga negeri yang memperuntukkan hukuman sebatan bagi kesalahan ini. Sebatan merupakan hukuman bersama dengan denda di Pahang dan Kelantan manakala di Perlis pula, ia merupakan hukuman

⁵³ Muḥammad Abū Zahrah, *al-Jarīmah wa al-‘Uqūbah fī Fiqh al-Islāmī: al-‘Uqūbah* (Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 2006), 162 dan 281-282.

⁵⁴ Abd al-Karim Zaydan, *Hukum-hakam Golongan Bukan Islam*, 250; Mat Saad Abdul Rahman, *Pembalasan Kesalahan Jenayah*, 116.

⁵⁵ Abd al-Karim Zaydan, *Hukum-hakam Golongan Bukan Islam*, 279.

⁵⁶ Majīd Abū Rakhyah, *al-Wajīz fī Ahkām al-Ḥudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta’zīr*, 222.

⁵⁷ Siti Zubaidah Ismail, *Undang-undang kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017), 81.

alternatif kepada penjara atau denda.⁵⁸ Sebatan maksimum yang boleh dikenakan ini walau bagaimanapun hanyalah sebanyak 6 kali sebatan. Atas pelbagai faktor, penambahan had hukuman jenayah syariah masih belum dapat dilaksanakan di Malaysia.

Minum arak dianggap sebagai satu kesalahan yang melibatkan semua warganegara di Malaysia hanya apabila pengambilannya dilakukan ketika mengendalikan kenderaan bermotor. Ini dinyatakan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) yang merupakan sumber perundangan bertulis utama bagi kesalahan-kesalahan berkaitan jalan raya, kenderaan bermotor dan pemanduan. Kesalahan melibatkan pengaruh alkohol secara spesifik termaktub di dalam seksyen 44 dan 45 akta tersebut. Seksyen 44 menetapkan kesalahan memandu di bawah pengaruh minuman memabukkan atau dadah sehingga menyebabkan kematian atau kecederaan. Seksyen 45 pula memperuntukkan kesalahan menjaga kenderaan motor di bawah pengaruh minuman memabukkan atau dadah manakala seksyen 45A pula bagi kesalahan memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan. Perbezaan di antara ketiga-tiga peruntukan ini dijelaskan melalui jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Peruntukan mengenai kesalahan pemanduan di bawah pengaruh minuman memabukkan di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)⁵⁹

Seksyen	Elemen Kesalahan	Hukuman
44 (1)	Memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah Mana-mana orang yang, semasa memandu sesuatu kenderaan motor di jalan atau tempat awam lain— (a) berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah,	Apabila disabitkan, *hendaklah dihukum penjara selama tempoh tidak kurang daripada tiga tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan didenda tidak kurang daripada lapan ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

⁵⁸ Zubaidah I, *Undang-undang kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*, 81.

⁵⁹ Peruntukan undang-undang yang dibincangkan adalah sehingga artikel ini ditulis iaitu Ogos 2020.

Seksyen	Elemen Kesalahan	Hukuman
	<p>setakat yang menyebabkan tidak berdaya mengawal kenderaan itu dengan sepatutnya; atau (b) mempunyai sebegitu banyak alkohol dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan, <u>dan menyebabkan kematian atau kecederaan kepada mana-mana orang</u> melakukan suatu kesalahan.</p>	
45 (1)	<p>Keadaan menjaga kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah. Mana-mana orang yang apabila menjaga suatu kenderaan motor yang berada di jalan atau di tempat awam yang lain, <u>tetapi tidak memandu kenderaan itu</u>, tidak layak memandu kerana dia berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah hingga setakat yang menyebabkannya tidak berdaya menjaga sesuatu kenderaan motor dengan sepatutnya, melakukan suatu kesalahan.</p>	<p>Hendaklah apabila disabitkan dihukum denda tidak melebihi *satu ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan.</p>

Seksyen	Elemen Kesalahan	Hukuman
45A (1)	Memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan Mana-mana orang yang, <u>apabila memandu atau cuba memandu sesuatu kenderaan motor atau apabila menjaga sesuatu kenderaan motor di sesuatu jalan atau tempat awam lain, mempunyai sebegitu banyak alkohol di dalam badannya sehingga kadar alkohol di dalam nafas, darah atau air kencingnya melebihi had yang ditetapkan,</u> melakukan suatu kesalahan.	Apabila disabitkan hendaklah dihukum denda *tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada enam ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua belas bulan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit dan boleh juga dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun.

Daripada jadual di atas, hukuman yang paling ringan diperuntukkan adalah bagi kesalahan menjaga kenderaan bermotor di jalan atau tempat awam di bawah pengaruh minuman memabukkan sehingga tidak berdaya melakukan penjagaan dengan sepatutnya. Ini kerana perbuatan tersebut tidak melibatkan pemanduan. Hukuman yang diperuntukkan adalah denda tidak melebihi RM1,000 dan boleh juga dipenjarakan tidak melebihi tiga bulan. Namun, jika seseorang memandu atau cuba memandu atau menjaga kenderaan motor di jalan raya atau di tempat awam dengan kadar alkohol yang melebihi kadar yang ditetapkan,⁶⁰ hukuman yang lebih berat diperuntukkan. Pelaku yang disabitkan buat kali pertama boleh didenda di antara RM1,000 hingga

⁶⁰ Kadar yang ditetapkan diperuntukkan dalam seksyen 45G APJ 1987 (Akta 333) seperti berikut: “had yang ditetapkan ertinya: (a) 35 mikrogram alkohol dalam 100 mililiter nafas; (b) 80 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah; atau (c) 107 miligram alkohol dalam 100 mililiter air kencing.”

RM6,000 dan boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 12 bulan.

Untuk memenuhi salah satu tujuan hukuman iaitu mencegah masyarakat daripada melakukan kesalahan, hukuman yang diperuntukkan dalam kedua-dua peruntukan di atas dilihat tidak memadai. Jika dibandingkan dengan kesalahan minum arak di tempat awam bagi pesalah beragama Islam seperti yang termaktub dalam EKJS, kesan daripada kesalahan di bawah seksyen 45 adalah lebih besar dan melibatkan kepentingan masyarakat awam. Namun, hukuman yang diperuntukkan adalah lebih rendah iaitu denda tidak melebihi RM1,000 dalam seksyen 45 berbanding RM3,000 maksimum di dalam EKJS. Bagi hukuman penjara pula, hukuman yang diperuntukkan dalam EKJS adalah sehingga 2 tahun berbanding hukuman melalui seksyen 45 dan 45A yang tidak melebihi dua belas bulan. Jelas bahawa hukuman-hukuman ini perlu ditingkatkan supaya lebih setimpal sesuai dengan kesan kesalahan yang dilakukan.

Dalam konteks pemanduan yang mengakibatkan kematian atau kecederaan pula, seksyen 44 (1) Akta 333 memperuntukkan hukuman penjara di antara tiga hingga sepuluh tahun dan denda dengan kadar minimum sebanyak RM8,000 sehingga RM20,000 maksimum. Hukuman ini adalah lebih berat sedikit daripada seksyen 41(1) akta yang sama iaitu menyebabkan kematian kerana memandu dengan melulu atau membahayakan.⁶¹ Perbezaan hukuman bagi kedua-dua kesalahan pemanduan menyebabkan kematian ini digambarkan melalui rajah 1 berikut:

⁶¹ Seksyen 41.(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) memperuntukkan: “Mana-mana orang yang memandu suatu kenderaan motor di jalan dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang, setelah mengambil perhatian tentang segala hal keadaan (termasuk jenis, keadaan dan saiz jalan, dan kesesakan lalu lintas yang dijangkakan yang ada atau mungkin ada di jalan itu) merbahaya kepada orang awam, menyebabkan kematian mana-mana orang, melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan hendaklah dihukum penjara selama tempoh *tidak kurang daripada dua tahun dan tidak lebih daripada sepuluh tahun dan denda tidak kurang daripada lima ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.”

Rajah 1: Kesalahan memandu sehingga menyebabkan kematian dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)

Seksyen	41(1)	44(1)
Elemen kesalahan	Memandu melulu dan membahayakan	Memandu di bawah pengaruh minuman memabukkan atau dadah
Hukuman	1. Penjara 2-10 tahun, dan 2. Denda RM5,000-RM20,000	1. Penjara 3-10 tahun, dan 2. Denda RM8,000-RM20,000
	Kesalahan: Pemanduan yang Menyebabkan Kematian	

Daripada rajah 1 di atas, dapat dirumuskan bahawa pemberatan hukuman bagi kesalahan menyebabkan kematian di antara pemandu mabuk berbanding pemandu waras yang memandu secara melulu adalah pada kadar minimum hukuman sahaja. Pemandu mabuk yang menyebabkan kematian pengguna jalan raya dihukum dengan penjara tiga tahun berbanding pemandu melulu iaitu minimum dua tahun. Namun, hukuman maksimum masih sama iaitu sehingga tempoh sepuluh tahun. Begitu juga dengan denda, kedua-dua kesalahan ini didenda sehingga maksimum RM20,000. Namun, denda bagi pemandu mabuk bermula dari RM8,000 berbanding pemandu melulu dari RM5,000.

Berikutan peningkatan kes kemalangan akibat pemanduan mabuk, pada Januari 2020 Kabinet Malaysia telah bersetuju untuk meminda undang-undang sedia ada. Menurut Menteri Pengangkutan pada ketika itu, antara aspek yang dikaji semula adalah hukuman yang diperuntukkan melalui seksyen 44 dan 45 (A) 1 APJ 1987. Selain itu, pindaan terhadap ketetapan kadar alkohol yang dibenarkan juga dipertimbangkan agar selari dengan ketetapan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu 50mg dalam 100ml darah.⁶²

Cadangan juga banyak dikemukakan daripada pelbagai pihak mengenai hukuman yang setimpal bagi menggantikan hukuman

⁶² Samadi Ahmad, "Hukuman Lebih Berat bagi Pemandu Mabuk," laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 9 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/650931/hukuman-lebih-berat-bagi-pemandu-mabuk>.

sedia ada. Antaranya termasuklah penjara seumur hidup dan hukuman mati. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) contohnya menggesa kerajaan agar mengenakan hukuman penjara seumur hidup⁶³ atau mandatori ke atas pemandu mabuk yang didapati bersalah. Mereka berpandangan bahawa pemandu mabuk tidak boleh dimaafkan kerana berdegil melakukan perbuatan yang telah diketahui risikonya. Tindakan ini tidak menghormati undang-undang dan mereka boleh dianggap pembunuh kerana membunuh orang awam menerusi kemalangan.⁶⁴

Terdapat juga cadangan agar hukuman mati dipertimbangkan ke atas pemandu mabuk yang menyebabkan kematian. Menurut Abd Hakim,⁶⁵ jika sikap masyarakat tidak berubah, undang-undang yang lebih tegas patut diperkenalkan. Hukuman bersifat retribusi dan pencegahan ini wajar dipertimbangkan bagi menjaga kepentingan orang awam. Beliau menegaskan bahawa undang-undang tidak sepatutnya bersimpati terhadap pemandu mabuk yang mencederakan atau menyebabkan kematian orang lain. Ini kerana, mereka sememangnya sedar terhadap risiko yang akan berlaku dan justeru perlu memikul tanggungjawab atas perbuatan mereka.⁶⁶ Selain itu, berdasarkan hasil pungutan suara rakyat melalui soal selidik yang dilakukan oleh kerajaan, 98% responden bersetuju supaya kerajaan tidak berkompromi dalam menangani isu pemandu mabuk. 94% bersetuju agar hukuman-hukuman sedia

⁶³ Di Malaysia, penjara seumur hidup bermaksud hukuman penjara selama 20 tahun atau 30 tahun. Ini berbeza dengan penjara seumur hayat yang bermaksud hukuman sepanjang hayat tanpa tarikh bebas daripada penjara kecuali jika banduan mendapat pengampunan atau keringanan dari Yang di Pertuan Agong atau Sultan atau Yang di Pertua Negeri di mana kesalahan tersebut dilakukan. Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri, dicapai 29 Ogos 2020, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/soalan..>

⁶⁴ Zuhainy Zulkifli, "Penjara Pemandu Mabuk Seumur Hidup, Sebelum Lebih Banyak Korban", laman sesawang *Berita Harian*, dicapai pada 13 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/693290/penjara-pemandu-mabuk-seumur-hidup-sebelum-lebih-banyak-korban>

⁶⁵ Abd Hakim Abd Razak merupakan Penolong Profesor, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Xiamen University Malaysia dan Felo Penyelidik, Institut Undang-Undang, South Ural State University, Russia.

⁶⁶ Abd Hakim Abd Razak, "Undang-Undang Tak Patut Simpati Pemandu Mabuk," laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 25 Ogos 2020., <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/07/710063/undang-undang-tak-patut-simpati-pemandu-mabuk>.

ada diberatkan dan 43% mahu hukuman mati diperuntukkan kepada pemandu mabuk yang menyebabkan kematian.⁶⁷

Dalam perkembangan terkini, Rang Undang-Undang (RUU) Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 telah selesai dirangka, namun masih dalam proses kelulusan di Parlimen. Secara ringkas, cadangan umum pindaan dan perbandingannya dengan hukuman sedia ada adalah seperti dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2: Perbandingan hukuman bagi pemanduan mabuk dalam APJ 1987 dan Rang Undang-Undang (Pindaan) 2020

Bentuk hukuman	Hukuman sedia ada di bawah Seksyen 44/45/45A	Rang undang-undang (RUU) Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020
Penjara	Maksimum 10 tahun	Maksimum 15 tahun untuk kesalahan pertama
		Maksimum 20 tahun untuk kesalahan kedua
Denda	Maksimum RM20,000	Maksimum RM100,000 untuk kesalahan pertama
		Maksimum RM150,000 untuk kesalahan kedua
Penggan-tungan lesen	Maksimum 10 tahun	Maksimum 20 tahun

Sumber: Berita Harian 15 Julai 2020.⁶⁸

Hukuman yang dicadangkan melalui RUU (Pindaan) 2020 di atas menunjukkan peningkatan yang ketara. Ini menggambarkan ketegasan kerajaan dalam menangani permasalahan semasa dan ia dilihat lebih setara dengan hukuman sama yang diperuntukkan di beberapa negara luar. Berhubung kadar alkohol yang dibenarkan pula, cadangan pindaan adalah daripada 35 mikrogram (mg) alkohol dalam 100 mililiter (ml) nafas kepada 22mg, 80 mg alkohol dalam 100 ml darah kepada 50mg atau 107 mg alkohol

⁶⁷ Muhammad Yusri Muzammir, “Hukuman Berat Menanti Pemandu Mabuk,” laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 29 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/700212/hukuman-berat-menanti-pemandu-mabuk>

⁶⁸ Mohd Nasaruddin Parzi, “Penjara 20 Tahun, Denda RM150,000 Nanti Pemandu Mabuk,” laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 29 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/710990/penjara-20-tahun-denda-rm150000-nanti-pemandu-mabuk>

dalam 100 ml air kencing kepada 67 mg.⁶⁹ Peruntukan-peruntukan ini akan berkuatkuasa jika RUU berkenaan diluluskan oleh Parlimen.

Pindaan Menyeluruh Hukuman Berkaitan Pemanduan Mabuk di Malaysia Menurut Perspektif Syariah

Dalam konteks semasa di Malaysia, pandangan yang memperuntukkan hukuman hudud ke atas kesalahan minum arak ke atas semua rakyat termasuk bukan Islam pasti sukar dilaksanakan. Ini kerana undang-undang Syariah yang mencegah masyarakat Islam daripada mengambil arak juga masih terhad kepada hukuman denda, penjara dan sebatan maksimum sebanyak 6 kali sahaja.

Bagi masyarakat bukan Islam pula, pandangan mazhab Maliki yang mengharuskan hukuman *takzir* sebagai didikan dan pengajaran kepada bukan Islam adalah lebih sesuai. Berdasarkan pandangan ini, kesalahan dan hukuman berkaitan pengambilan alkohol selain daripada berkaitan pengendalian kenderaan bermotor seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 45 dan 45A APJ 1987 juga wajar diperkenalkan jika wujud keperluan semasa. Hukuman ini dapat berfungsi sebagai pencegahan untuk mengelakkan kemalangan mahupun mudarat lain yang boleh menjejaskan keselamatan masyarakat berlaku apabila pesalah mabuk.

Orang bukan Islam yang ingin minum arak tidak dikenakan hukuman jika melakukannya secara tertutup seperti di premis persendirian. Namun, sekiranya pengambilannya dilakukan di tempat awam sehingga mabuk, hukuman wajar dipertimbangkan buat mereka. Berhubung hal ini, kadar alkohol yang boleh menyebabkan mabuk perlu ditetapkan sebagai had berdasarkan pandangan pakar. Ini kerana kadar yang boleh memabukkan mungkin berbeza di antara seseorang dengan yang lain. Walau bagaimanapun, tindakan kerajaan yang bercadang menurunkan kadar alkohol yang dibenarkan adalah satu langkah yang tepat.

Berkenaan bentuk hukuman, apa-apa hukuman yang boleh memberikan pengajaran dan bersifat pencegahan termasuk sebatan boleh dikenakan. Ini berdasarkan pandangan sebahagian fuqaha yang menetapkan hukuman tersebut kepada pesalah bukan Islam.

⁶⁹ Nasaruddin, "Penjara 20 Tahun, Denda RM150,000 Nanti Pemandu Mabuk."

Menurut ‘Abd al-Qādir’Awḍah, sebatan merupakan hukuman yang diutamakan oleh para fuqaha bagi kesalahan yang serius berbanding bentuk hukuman lain.⁷⁰ Hukuman tahanan atau penjara dalam perundangan Islam pula bersifat sekunder dan diperuntukkan bagi kesalahan yang lebih kecil. Ini membezakannya dengan penjara dalam undang-undang moden yang dijadikan hukuman utama bagi kebanyakan kesalahan sama ada kecil atau besar.⁷¹

Hukuman denda pula memang termasuk di antara bentuk hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan *takzir*. Namun, perkara yang menjadi perbincangan para fuqaha antaranya ialah kesesuaiannya sebagai kaedah untuk memerangi jenayah. Ini kerana pelaksanaannya boleh menyebabkan kesan berbeza terhadap pesalah. Pesalah yang berkemampuan biasanya boleh menjelaskan denda, sedangkan pesalah yang tidak berkemampuan pula tidak dapat menjelaskan denda dan perlu berhadapan dengan hukuman alternatif yang lain. Perkara ini wajar menjadi pertimbangan para hakim dalam memutuskan jumlah denda agar bersesuaian dengan keadaan pesalah.

Selain itu, sebahagian fuqaha pula mensyaratkan denda dijadikan sebagai amaran iaitu harta pesalah diambil dan ditahan sehingga pesalah memperbaiki dirinya atau memperbetulkan kesilapan. Jika keadaannya berubah atau dia telah bertaubat,⁷² harta tersebut dikembalikan semula kepada pesalah. Jika tidak, harta tersebut disalurkan kepada aspek-aspek kebaikan.⁷³ Pandangan untuk menyalurkan denda bagi tujuan kebaikan ini sangat baik jika dapat diaplikasikan di Malaysia. Dalam konteks kemalangan jalan raya, sebahagian denda boleh disalurkan ke Biro Penanggung Insurans Motor yang boleh memanfaatkan sebahagian mangsa kemalangan jalan raya yang tidak berjaya mendapatkan bayaran ganti rugi daripada syarikat insurans.

Seterusnya, bagi kesalahan menyebabkan kematian ketika mabuk, hukuman sama ada qisas atau *diyāt* boleh dipilih oleh

⁷⁰ ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘i al-Islāmī*, 1: 690, 694 dan 707.

⁷¹ ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘i al-Islāmī*, 795.

⁷² Al-Jazīrī, *Kitab al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*, 5: 370.

⁷³ ‘Abd al-Qādir ‘Awḍah, *al-Tashrī‘ al-Jinā‘i al-Islāmī*, 1:706.

kerajaan yang memerintah. Ini bertepatan dengan kaedah-kaedah fiqh berikut⁷⁴:

انَّ حَكْمَ الْحَاكِمِ يَرْفَعُ الْخِلَافَ.

Terjemahan: Sesungguhnya keputusan pemerintah menamatkan perselisihan.

تَصَرَّفَ الْإِمَامُ عَلَى الرَّعِيَةِ مَنْوُوطٌ بِالْمَصْلَحَةِ.

Terjemahan: Tindakan pemerintah ke atas rakyat terikat dengan masalah.

Dalam satu kenyataan akhbar, Menteri Pengangkutan ditanya mengenai kesediaan untuk memfailkan kes pemandu mabuk di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu membunuh yang memperuntukkan hukuman mati. Menteri Pengangkutan pada ketika itu menyatakan bahawa walaupun masyarakat geram dan mendesak hukuman tersebut dilaksanakan, akta tersebut menuntut kepada pembuktian niat untuk membunuh dan kegagalan membuktikannya membolehkan pesalah terlepas. Justeru, ia hanya boleh digunakan pada kes yang bersesuaian sahaja.⁷⁵

Dalam hal ini, jika hukuman *qisās* tidak dapat dilaksanakan, *diyāt* yang merupakan hak mangsa dan keluarganya perlu dilaksanakan melalui sistem perundangan negara dengan sebaiknya. Perlu difahami bahawa denda RM150,000 yang dicadangkan sebagai pindaan di bawah Akta 333 bukan untuk dibayar kepada mangsa. Untuk mendapatkan ganti rugi, pihak mangsa perlu membuat tuntutan ke Mahkamah Sivil. Di Malaysia, antara ganti rugi yang boleh dituntut adalah ganti rugi kerana kesedihan (*bereavement*) sebanyak RM30,000 untuk isteri dan anak atau jika si mati belum berkahwin, untuk ibu bapanya.⁷⁶ Nilai

⁷⁴ Mushaddad bin Hasbullah, “Keadilan Hudud dan Pelaksanaannya Menurut Pandangan Mazhab Fiqh” dalam *Pelaksanaan Hudud di Malaysia Satu Analisis*, ed. Asyraf Wajdi Dusuki (Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2015), 47.

⁷⁵ Muhammad Yusri Muzammir, “Hukuman Berat Menanti Pemandu Mabuk,” laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 29 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/700212/hukuman-berat-menanti-pemandu-mabuk>.

⁷⁶ Pindaan telah dibuat pada jumlah ganti rugi kerana kesedihan pada tahun 2019. Dalam peruntukan asal pada seksyen 7 (3A) Akta Undang-undang Sivil 1956 (Akta 67), nilai yang diperuntukkan adalah sebanyak RM10,000 sahaja. Rujuk Act 1591 Civil Law (Amendment) Act 2019: <http://www.federalgazette>

yang telah ditingkatkan melalui pindaan pada tahun 2019 ini masih agak rendah jika dibandingkan dengan nilai *diyāt* mahupun jumlah denda yang dicadangkan melalui RUU Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020. Walaupun pihak mangsa boleh membuat tuntutan terhadap ganti rugi lain seperti ganti rugi kehilangan saaraan, ganti rugi kehilangan perkhidmatan dan ganti rugi khas, mereka perlu membuktikan tuntutan tersebut memenuhi syarat-syarat bagi melayakkan mereka memperolehnya.⁷⁷ Proses ini bukan mudah dan boleh mengambil masa bertahun-tahun.

Jelas bahawa demi kemaslahatan mangsa, pindaan undang-undang secara menyeluruh diperlukan. Statut rujukan dalam penetapan ganti rugi iaitu Akta Undang-undang Sivill 1956 (Akta 67) berserta dengan amalan dalam penetapan kuantum ganti rugi juga perlu disemak semula bagi mempercepatkan penyelesaian kes dan pembayaran ganti rugi kepada mangsa. Antaranya seperti menjadikan kompendium sebagai rujukan wajib dan nilainya boleh disesuaikan dengan nilai *diyāt*. Dengan itu, kes boleh diselesaikan lebih cepat tanpa pertikaian pihak-pihak terhadap kuantum ganti rugi. Pindaan menyeluruh ini akhirnya bukan sahaja untuk manfaat mangsa bagi kes pemanduan mabuk, bahkan dirasai oleh semua mangsa kemalangan jalan raya mahupun perbuatan cuai yang lain.

Ganti rugi yang diputuskan dalam kes pemanduan mabuk buat mangsa kemalangan akhirnya perlu dijelaskan oleh syarikat insurans/takaful yang melindungi kenderaan yang terlibat.⁷⁸ Ini berdasarkan ketetapan dalam seksyen 95 (a- k) Akta 333 yang

.agc.gov.my/outputaktap/20190531_A1591_BI_A1591%20BI.pdf, dicapai 30 Ogos 2020.

⁷⁷ Lihat Shahidra binti Abdul Khalil, "Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-undang di Malaysia dan Perundangan Islam: Kajian Perbandingan" (Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2015), 61-69.

⁷⁸ Ini diperuntukkan dalam Seksyen 95 (i) APJ 1987 seperti berikut: "Jika sesuatu perakuan insurans telah diserahkan di bawah subseksyen 91(4) kepada orang yang telah melaksanakan sesuatu polisi, sekian banyak daripada polisi itu yang berupa sebagai menghadkan insurans orang yang diinsuranskan itu dengan merujuk kepada mana-mana perkara yang berikut:....
(i)pemandu kenderaan motor itu semasa berlakunya kemalangan itu yang berada di bawah pengaruh minuman memabukkan atau dadah;...
berkenaan dengan apa-apa liabiliti yang dikehendaki dilindungi oleh sesuatu polisi di bawah perenggan 91(1)(b), tidak mempunyai apa-apa kuat kuasa"

menetapkan beberapa keadaan dalam kemalangan melibatkan pihak ketiga yang mesti menjadi liabiliti pihak insurans/takaful, termasuk keadaan pemandu yang mabuk. Atas sebab itu, syarikat insurans/takaful tidak boleh membataskan liabiliti mereka dengan membuat polisi yang mengecualikan keadaan-keadaan tersebut daripada tanggungan mereka. Undang-undang ini adalah sangat baik dalam melindungi hak mangsa, namun berkemungkinan kurang berkesan bagi memberikan pengajaran kepada pihak pemandu yang cuai. Justeru, premium tambahan ke atas pemegang polisi yang menyebabkan kemalangan akibat mabuk berserta dengan syarat-syarat tambahan yang bersesuaian wajar dipertimbangkan sebagai salah satu usaha mencegah kesalahan tersebut di kalangan pemegang polisi insurans yang lain.

Penutup

Arak adalah ibu atau pintu segala kejahatan. Pengharamannya di dalam Syariah Islam bukan sahaja untuk menjaga akal individu yang merupakan salah satu daripada *darūriyyāt al-khamsah*. Lebih besar daripada itu, Syariah Islam memerangi arak bagi melindungi kepentingan awam daripada kesan buruk pengambilannya. Ini termasuklah kehilangan nyawa mahupun kecederaan akibat kemalangan jalan raya seperti yang banyak dilaporkan kini.

Oleh kerana itu, hukuman hudud iaitu sebatan yang bersifat mandatori diperuntukkan terhadap pesalah walaupun mengambil arak dalam kuantiti sedikit dan tidak mabuk. Hukuman yang tegas juga diperuntukkan ke atas jenayah yang dilakukan dalam keadaan mabuk sebagai satu pemberatan termasuk hukuman qisas atau bunuh balas jika menyebabkan kematian. Jika tidak, sekurang-kurangnya *diyāt* diwajibkan bagi kemaslahatan pihak mangsa.

Dalam konteks semasa di Malaysia, pindaan undang-undang berkaitan perlulah mengambil kira petunjuk yang telah digariskan dalam perundangan Islam. Perselisihan pandangan para fuqaha yang bersandarkan kepada hujah-hujah tersendiri dalam hal ini, seharusnya membuka ruang untuk masyarakat di Malaysia beramal dengan pandangan yang paling sesuai dengan kondisi setempat dan semasa. Dengan kekangan dan halangan yang wujud dalam pelaksanaan perundangan jenayah Islam secara keseluruhannya di Malaysia, sekurang-kurangnya prinsip dan ketegasan Syariat dalam memerangi jenayah arak perlu cuba untuk

diaplikasikan sebaiknya. Justeru, usaha berterusan bagi menambah baik undang-undang secara menyeluruh wajar disokong demi kemaslahatan semua.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Malaya atas tajaan geran penyelidikan SG011-19SAH yang membolehkan kajian berkaitan dilaksanakan. Setinggi penghargaan juga buat ahli penyelidikan iaitu Profesor Madya Dr Siti Zubaidah Ismail dan Dr Siti Aisyah Samuddin yang menyumbang sebahagian input bagi penulisan ini.

Rujukan

- ‘Alī, Ṣāliḥ bin Sa‘ūd ‘Alī. *‘Awāriḍ al-Ahliyyah al-Muaththarah fī al-Mas‘ūliyyah al-Jinā‘iyyah*. T.tp.: al-‘Abikan li al-Nashr, ‘Awḍaḥ ‘Abd al-Qādir. *Al-Tashrī‘ al-Jinā‘ī al-Islāmī Muqaranan bi al-Qānūn al-Waḍ‘ī*. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000.
- Abd al-Karim Zaydan. *Hukum-hakam Golongan Bukan Islam dalam Negara Islam*, terj. Abdul Wahab Abdul Latif. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 2016.
- Abdul Ghani Azmi bin Haji Idris. *Himpunan Hadith-Hadith Shahih*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 1998.
- Abu Mazaya al-Hafiz dan Abu Izzat al-Sahafi. *Fiqh Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers, 2004.
- Abū Rakhyah, Majīd. *Al-Wajīz fī Ahkām al-Hudūd wa al-Qiṣāṣ wa al-Ta‘zīr*. Amman, Jordan: Dār al-Nafā’is, 2009.
- Abū Zahrah, Muḥammad. *Al-Jarīmah wa al-‘Uqūbah fī Fiqh al-Islāmī: al-‘Uqūbah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, 2006.
- Al-Jazīrī, ‘Abd al-Raḥman. *Kitab al-Fiqh ‘alā al-Madhāhib al-‘Arba‘ah*. Kaherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyah, 2015.
- Izwaashura Sadali. “Pemandu Mabuk Penyebab 29 Individu Maut dalam Kemalangan Jalan Raya bagi Tempoh 2018-Mei 2020”, laman sesawang *Paultan.org*. Dicapai 26 Ogos 2020, <https://paultan.org/2020/06/04/pemandu-mabuk-sebabkan-kemalangan-maut/>.
- Mahmood Zuḥdi Haji Abd Majid. “Pelaksanaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia Ditinjau dari Perspektif Maqasid Syariah” dalam *Pelaksanaan Hudud di Malaysia Satu Analisis*,

- ed. Asyraf Wajdi Dusuki. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2015.
- Mat Saad Abdul Rahman. *Pembalasan Kesalahan Jenayah dalam Masyarakat Majmuk (Dengan Penumpuan kepada Peruntukannya Terhadap Bukan Islam)*. Petaling Jaya: Intel Multimedia and Publication, 2006.
- Md. Som Sujimon. *Kes-kes Kehakiman Berkaitan Jenayah Hudud, Qisas dan Kekeluargaan di Zaman al-Khulafa' al-Rashidin*. Kuala Lumpur: IIUM Press, 2009.
- Muhammad Idris 'Abd al-Ra'uf al-Marbawi. *Baḥr al-Madhī Sharḥ bagi Mukhtaṣar Ṣaḥīḥ al-Tirmidhī*. T.tp: tt.p., t.t.
- Mushaddad bin Hasbullah. "Keadilan Hudud dan Pelaksanaannya Menurut Pandangan Mazhab Fiqh" dalam Pelaksanaan *Hudud di Malaysia Satu Analisis*, ed. Asyraf Wajdi Dusuki. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, 2015.
- Paizah Hj. Ismail. *Hudud Hukum dan Pelaksanaan*. Shah Alam: Karya Bestari, 2008.
- Shahidra binti Abdul Khalil, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar dan Abdul Karim Ali. "Penetapan Ganti Rugi bagi Pelbagai Kecederaan Diri Menurut Perundangan Islam". *Jurnal Fiqh*, No. 15 (2018): 61- 86.
- Shahidra binti Abdul Khalil. "Penyelesaian Kes Kemalangan Jalan Raya Menurut Undang-undang di Malaysia dan Perundangan Islam: Kajian Perbandingan". Tesis Kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2015.
- Siti Zubaidah Ismail. *Undang-undang kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2017.

Laman sesawang

- "Pemandu Mabuk 13 kali Berisiko Sebabkan Kemalangan: Miros," laman sesawang *Sinar Harian*. Dicapai 26 Ogos 2020, <https://www.sinarharian.com.my/article/82625/BERITA/Nasiona/1/Pemandu-mabuk-13-kali-berisiko-sebabkan-kemalangan-Miros>
- "Pemandu Mabuk: Adakah Hukuman Berat Mampu Menanganinya?", laman sesawang *Astro Awani*. Dicapai 26 Ogos 2020. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-mabuk-adakah-hukuman-berat-mampu-menanganinya-245360>.

- Abd Hakim Abd Razak. “Undang-Undang Tak Patut Simpati Pemandu Mabuk,” laman sesawang *Berita Harian*. Dicapai 25 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/07/710063/undang-undang-tak-patut-simpatipemandu-mabuk>.
- Mohd Nasaruddin Parzi. “Penjara 20 Tahun, Denda RM150,000 Nanti Pemandu Mabuk,” laman sesawang *Berita Harian*. Dicapai 29 Ogos 2020, [.https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/710990/penjara-20-tahun-denda-rm150000-nanti-pemandu-mabuk](https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/710990/penjara-20-tahun-denda-rm150000-nanti-pemandu-mabuk)
- Muhammad Yusri Muzammir. “Hukuman Berat Menanti Pemandu Mabuk,” laman sesawang *Berita Harian*. Dicapai 29 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/06/700212/hukuman-berat-menanti-pemandu-mabuk>.
- Portal Rasmi Jabatan Penjara Malaysia Kementerian Dalam Negeri. Dicapai 29 Ogos 2020, <http://www.prison.gov.my/portal/page/portal/hijau/soalan>.
- Samadi Ahmad. “Hukuman Lebih Berat bagi Pemandu Mabuk,” laman sesawang *Berita Harian*. Dicapai 9 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/01/650931/hukuman-lebih-berat-bagipemandu-mabuk>.
- Zuhainy Zulkifli. “Penjara Pemandu Mabuk Seumur Hidup, Sebelum Lebih Banyak Korban”, laman sesawang *Berita Harian*. Dicapai 13 Ogos 2020, <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/693290/penjara-pemandu-mabuk-seumur-hidup-sebelum-lebih-banyak-korban>

